


Kembara Sutera

2016.11

CRI

中国广播电视台



Dalian: Bandar Romantik

Kouxian, Alat Muzik Istimewa Etnik Hui

Indahnya Kawasan Luar Bandar Beijing

Tujuh Destinasi Dianggap Syurga di China

Penyebaran Agama Islam di Provinsi Taiwan, China

Qinghai Yang Bertakhta di Hati



Discover the beauty of China with us



www.airchina.com.my

Kuala Lumpur-Beijing 0020-0630

Beijing-Kuala Lumpur 1640-2310

Fly with us on A330-300(301 Seats)

[Facebook.com/AIR CHINA KUL](https://www.facebook.com/AIR CHINA KUL)

Email:kul_ca@outlook.com

Tel:03-21661999 Fax:03-21663999



Wacana dari Tembok Besar

Hampir setiap hari dihambat dengan kesibukan tugas di pejabat, selain bergelut dengan pelbagai kerentak ketika menguruskan rutin kehidupan, ada kalanya memang melelahkan dan boleh menyebabkan stres. Disebabkan kesibukan yang tidak bernoktah itulah, kita sering terlupa akan keperluan-keperluan lain yang juga memerlukan perhatian dan komitmen yang sama, antaranya merehatkan diri dengan pergi bercuti atau melancong.

Sama ada anda sedar ataupun tidak, tahun 2016 bakal menutup tirainya kira-kira dua bulan lagi. Oleh itu, masih belum terlewati lagi untuk anda merancang percutian bagi tahun ini. Luangkanlah masa seketika bersama-sama dengan keluarga, rakan-rakan atau untuk diri anda sendiri dengan menjelajah ke destinasi-destinasi percutian yang unik seperti Dalian atau Qinghai, atau menjamu selera di Jalan Muslim Xi'an, pasti menyeronokkan!

Walaupun fenomena el nino sudah berakhir, namun kesannya sedikit sebanyak masih lagi terasa. Sekiranya anda mahu "melarikan diri" daripada bahang mentari atau teringin untuk menikmati suasana dingin dan nyaman secara semula jadi, mungkin anda boleh memilih mana-mana destinasi daripada tujuh destinasi yang telah kami cadangkan.

Sebenarnya, banyak manfaat yang dapat diperoleh daripada aktiviti percutian atau pelancongan. Melalui aktiviti seumpama itu, kita bukan sahaja dapat melihat negara dan budaya lain, malah memulihkan dan membina semula kekuatan dalam. Melihat pemandangan yang indah dan menakjubkan atau kesusahan yang dialami oleh orang lain pasti menerbitkan keinsafan dalam diri, di samping kesempatan terbaik untuk merenung kembali dan bermuhasabah diri akan segala pencapaian, usaha dan pengalaman pahit, manis yang telah kita tempuh hampir setahun yang lalu. Semoga pengalaman dan pengajaran daripada "pengembawaan" singkat itu akan menjadikan diri kita, manusia yang lebih baik pada masa akan datang.

Penerbitan majalah Kembara Sutera (KS) kali ini adalah yang terakhir untuk tahun 2016, namun kami tidak pernah melupakan azam dan komitmen kami untuk terus menyediakan program-program pelancongan yang menarik untuk tatapan anda. Kami berharap dapat menemui anda semula pada tahun hadapan dengan semangat dan azam baharu.

Selamat bercuti dan selamat menempuh tahun baharu! **KS**

3K
Awan



06

Dalian: Bandar Romantik

10

Qinghai, Yang Bertakhta di Hati

18

Kembara Laluan Sutera 2016

20

Kouxian, Alat Muzik Istimewa Etnik Hui

22

Jalan Muslim Xi'an, Syurga Makanan Halal

24

Indahnya Kawasan Luar Bandar Beijing

28


Tujuh Destinasi Dianggap Syurga di China

32

Penyebaran Agama Islam di Provinsi Taiwan, China

34

Dapur Lazat Anisah



Penerbit:

Radio Antarabangsa China (CRI)

Ketua Pengarang:

An Xiaoyu

Timbalan Ketua Pengarang:

Zhang Wenwen

Ketua Editor:

Wang Jin

Editor:

Zaidah Ahmad Rosly

Zhang Wei Lin Ying

Tempat Edaran:

Malaysia

Tarikh Terbit:

Julai, September, November, Januari, Mac, Mei

Laman Sesawang:

<http://malay.cri.cn>

facebook:

www.facebook.com/kembarasutera

E-mel:

mal@cri.com.cn

Surat-menurat:

**Malay Service,
China Radio International,
16A Shijingshan Road,
100040 Beijing, P.R. China.**

Telefon:

+86-10-68892073

Dalian yang terletak di hujung selatan Semenanjung Liaodong China merupakan bandar penting dalam bidang ekonomi, perdagangan, pelabuhan, perindustrian dan pelancongan di provinsi Liaoning, bahkan kawasan timur laut China. Marilah kita melawat ke beberapa destinasi yang wajib dilawati di bandar yang romantik ini.

Dalian Bandar Romantik

Dataran Arca Harimau

Dataran Arca Harimau (Hudiao Guangchang) yang seluas 15,700 meter persegi, terletak di Pantai Harimau. Dataran ini terkenal dengan arca enam harimau spesies Timur Laut.

Patung arca harimau ini dibuat daripada 500 buah batu marmar. Patung ini selebar 35.5 meter, setinggi 6.5 meter dan seberat lebih 2,000 tan.

Arca yang menjadi mercu tanda bagi Taman Laut Pantai Harimau tersebut direka oleh Encik Han Meilin, penggiat seni terkemuka China dalam masa dua tahun sembilan bulan.

Pelabuhan Yuren


Yuren bermaksud "nelayan" dalam bahasa Mandarin.

Pelabuhan Yuren terletak dalam kawasan pelabuhan perikanan Jalan Binhai, daerah Zhongshan di bandar Dalian.

Lokasi pelabuhan ini agak strategik kerana terletak berhampiran dengan Taman Laut Pantai Harimau di timur, Jalan Binhai di utara, menghadap Laut Kuning di selatan, manakala dikelilingi



untuk menghargai detik-detik indah yang cepat berlalu itu.



Taman Tarikan Laut

Taman Tarikan Laut ataupun Taman Haizhiyun pernah diberikan nama Taman Laut Timur. Taman tersebut terletak di bahagian paling timur dalam kawasan peranginan tepi laut Dalian.

Luasnya taman ini lebih kurang 450 hektar dan berjarak 10 kilometer dari pusat bandar.

Taman ini kaya dengan pemandangan alam semula jadi antaranya termasuk gunung, hutan, laut dan padang rumput.

pula gunung semula jadi dari timur dan barat.

Sehubungan dengan itu, pemandangan di pelabuhan ini sungguh indah.

Loceng besar di pelabuhan ini akan berbunyi setiap jam, seolah-olah mengingatkan kita



Jalan Gaya Rusia

Jalan Gaya Rusia yang juga dipanggil Jalan Tuanjie (perpaduan) terletak di barat laut Jambatan Shengli bandar Dalian.

Terdapat tiga buah bangunan yang mempunyai seni bina timur jauh Belarus di jalan ini. Bangunan-bangunan itu berusia lebih 100 tahun. Jalan yang sepanjang 500 meter ini telah diteroka menjadi jalan komersial dan menarik kedatangan ramai penduduk tempatan malah pelancong dari dalam dan luar negara.

Jambatan Beida

Jambatan Beida dibina sebagai lambang persahabatan Dalian dengan Kitakyushu Jepun setelah kedua-dua bandar tersebut menjalankan hubungan bandar persahabatan.

Jambatan Beida dibina di Dalian, manakala Astaka Dabei yang bergaya seni bina China dibina di sebuah taman di Kitakyushu.

Dataran Xinghai


Dataran Xinghai yang terletak

dalam kawasan peranginan laut selatan bandar Dalian merupakan dataran bandar yang terbesar di dunia.

Dataran Xinghai lebih besar daripada Dataran Tian'anmen di Beijing.

Dataran yang seluas 1,760,000 meter persegi ini kini menjadi destinasi pelancongan yang paling popular di bandar tersebut.

Di dataran ini, terdapat beberapa arca besar seperti bola sepak, buku, tanglung, serta sebuah muzium sifut laut. Dataran yang luas ini juga menjadi tempat mengadakan aktiviti sambutan yang meriah sempena perayaan atau pesta. *Ks*



Dinghai

Yang Bertakhta di Hati

Pada 27 Julai hingga 1 Ogos 2016 lalu, program Kembara Laluan Sutera memulakan sekali aktiviti lawatan tahunannya dengan memilih provinsi Qinghai sebagai destinasi pilihan. Sekiranya anda mendambakan destinasi percutian yang unik dan asli, maka Qinghai adalah pilihan yang paling tepat untuk anda. Hal ini disebabkan kedudukan provinsi Qinghai yang bersempadan dengan provinsi Gansu di timur laut, Wilayah Autonomi Uygur Xinjiang di barat laut, Sichuan di tenggara dan Wilayah Autonomi Tibet di barat daya telah menjadikan provinsi Qinghai turut menerima pengaruh dari keempat-empat provinsi atau wilayah tersebut, sama ada dari segi etnografi maupun geografi.

Ada beberapa destinasi yang menarik di provinsi tersebut, namun destinasi-destinasi yang berikut ini termasuk dalam kelompok “mesti dikunjungi” sekiranya anda bercadang mahu melawat ke provinsi Qinghai.



Pemandangan sebelum tiba di Tasik Qinghai.

Tasik Qinghai, Seindah Yang Dikhabarkan

Sebelum anda mengetahui lebih lanjut tentang tasik tersebut, ada beberapa fakta yang anda perlu ketahui tentang Tasik Qinghai. Tasik Qinghai merupakan tasik terbesar di China dan terletak sekitar 100 kilometer dari sebelah barat Xining, ibu kota provinsi Qinghai serta berada pada ketinggian 3,200 meter di atas permukaan laut. Apabila dikatakan tasik “terbesar” di China, seberapa besar boleh anda bayangkan tasik tersebut. Adakah anda akan membayangkan seperti Tasik Bera atau Tasik Chini di Malaysia?

Baiklah, fakta lain yang perlu anda ketahui dan mungkin akan mengejutkan anda ialah Tasik Qinghai mempunyai keluasan kira-kira 4,300 kilometer persegi (ya, hampir menyamai sebuah

negeri di Malaysia), dengan panjang kira-kira 105 kilometer dan lebar 63 kilometer, selain merupakan tasik air masin pedalaman terbesar di China. Mungkin faktor saiznya yang terlalu besar, maka penduduk setempat menggelarnya “tasik dewa”.

Tidak dinafikan, fakta-fakta tentang Tasik Qinghai mungkin sudah cukup untuk mengejutkan anda, namun sekiranya anda berpeluang untuk melihat dengan mata kepala sendiri, anda mungkin akan kehilangan kata-kata atau terpaku seketika saat melihatkan kejadian Tuhan yang sebegitu indah dan menakjubkan itu.

Berpuluh-puluh kilometer sebelum tiba di Tasik Qinghai, anda sudah dihidangkan dengan pemandangan gunung-ganang nan menghijau lagi tinggi mengawan di kiri

dan kanan anda, sehingga dikatakan Tasik Qinghai dikawal oleh empat gunung, iaitu Gunung Datong, Gunung Riyue, Gunung Selatan dan Gunung Xiangpi. Rombongan kami memilih untuk singgah di Gunung Riyue, (yang bermaksud matahari dan bulan dalam bahasa Mandarin) semasa dalam perjalanan ke Tasik Qinghai.

Sebenarnya, sebelum tiba di provinsi Qinghai lagi, rombongan kami sentiasa diingatkan tentang penjagaan kesihatan di tempat tinggi kerana bagi segelintir individu yang tidak biasa berada di tempat tinggi, anda mungkin akan mengalami beberapa simptom, antaranya termasuklah degupan jantung yang kencang kesan kekurangan oksigen. Oleh itu, sama ada ketika mendaki gunung atau menjalankan

apa-apa aktiviti di tempat tinggi, anda dinasihatkan untuk melakukannya secara perlahan-lahan atau mengikut kesesuaian tubuh badan anda.

Setibanya di Gunung Riyue, kami disambut suasana yang dingin dan angin yang berpuput lembut. Terdapat dua buah astaka di Gunung Riyue, iaitu satu di gunung matahari dan satu lagi di gunung bulan. Astaka tersebut dibina bagi memperingati perkahwinan campur antara Puteri Wencheng dari Dinasti Tang dengan Raja Songtsen Gampo dari Tibet. Saat berada di astaka gunung matahari sambil melihat panorama kaunti Huangyuan, serasa sedang bermimpi di siang hari.

Landskap padang rumput yang terbentang luas, yak hitam dan putih yang dihias cantik, khemah-khemah etnik Tibet yang digantung bendera kecil berwarna-warni dan bangunan-bangunan yang disusun seperti model miniatur dari jauh terhampar di sekeliling kami. Walaupun tidak sabar-sabar mahu menjekakkan kaki di Tasik Qinghai, namun hati terasa berat untuk meninggalkan Gunung Riyue yang indah dan bersejarah itu. Maka benarlah kata-kata rakan saya, kenangan di Gunung Riyue akan terus terpahat di hati selagi ada bulan dan matahari.

Jarak dari Gunung Riyue ke Tasik Qinghai sekitar 30 kilometer. Anda mulai sedar yang anda sudah hampir tiba di Tasik Qinghai apabila anda

melihat hamparan bunga sesawi yang mekar menguning di kiri dan kanan anda. Kira-kira 15 kilometer sebelum betul-betul tiba di Tasik Qinghai, anda akan melihat satu garisan berwarna biru kehijauan yang panjang di hadapan anda. Sebenarnya, itulah

ke provinsi berkenaan dengan suhu sekitar 15 hingga 21 derjah Celsius. Namun, jangan terkejut kerana tempoh itu juga adalah tempoh yang paling ramai pelancong di Tasik Qinghai.

Terdapat pelbagai aktiviti boleh anda lakukan apabila



Dua astaka tersebut merupakan mercu tanda Gunung Riyue (Gunung Matahari dan Bulan).



Panorama bak gunung pelangi di Taman Geologi Negara Guide.

pemandangan Tasik Qinghai dari jauh. Mungkin daripada warna itulah Tasik Qinghai mendapat nama kerana maksud perkataan “Qing” dalam bahasa Mandarin ialah biru kehijauan. Oleh sebab terlalu luas, maka tasik tersebut kelihatan seumpama sebuah lautan, sama seperti anda melihat laut yang tidak bertepi dan tidak berpenghujung, saujana mata memandang.

Rombongan Kembara Laluan Sutera 2016 memilih waktu yang paling tepat untuk ke provinsi Qinghai kerana bulan Julai dan bulan Ogos adalah tempoh masa yang paling sesuai untuk melawat

sudah tiba di Tasik Qinghai. Bagi peminat fotografi inilah tempatnya untuk anda berkarya atau menguji kemahiran anda bermain dengan ISO, apertur dan kelajuan “shutter”, manakala penggemar aktiviti lasak apa kata anda menyahut cabaran dengan menunggang “all-terrain vehicle” atau ATV. Walaupun kawasan litar tidak begitu besar, namun agak sukar juga untuk mengawal ATV di kawasan berpasir. Selain itu, anda juga berpeluang menaiki kapal persiaran untuk mengelilingi kira-kira 10 peratus dari kawasan tasik tersebut. Namun, sekiranya anda hanya muh bersiar-siar sambil

merenung tasik dan menghayati pemandangan alam yang sungguh mendamaikan, aktiviti riadah seumpama itu juga sudah cukup menyeronokkan dan membahagiakan.

Taman Geologi Negara Guide, Ciptaan Yang Mempesona

Sekiranya Tasik Qinghai berada di sebelah barat Xining, Taman Geologi Negara Guide pula berada di sebelah selatan dan mengambil masa lebih dua jam dengan jarak kira-kira 112 kilometer dari Xining ke kaunti Guide.

Sepanjang perjalanan, pada mulanya anda akan disajikan dengan pemandangan pergunungan yang menghijau, namun sedikit demi sedikit anda akan dikejutkan dengan persekitaran yang berwarna serba perang, merah, kelabu dan ada kalanya bertukar putih, membuatkan anda tidak dapat menahan diri untuk terus membidik lensa kamera anda tanpa henti. Apabila sampai sahaja di Taman Geologi Negara Guide, yang merupakan sebahagian daripada komposisi Taman Ashigong, Taman Mawu dan lembah Sungai Kuning, anda akan berasa kehairanan melihat kepelbagaiannya warna dan bentuk muka bumi.

Menurut fakta, haba dari matahari dan tarikan graviti di permukaan bumi telah menyebabkan berlakunya proses eksogenik seperti luluhawa, hakisan, pergerakan

jisim dan mendapan, yang dipengaruhi oleh angin, aliran sungai, glasier, tasik dan laut, pada permukaan batu-batu di kawasan tersebut sehingga mencipta landskap yang unik. Sudah pasti, proses geomorfik tersebut memakan masa selama beratus-ratus ribu tahun sebelum terbentuknya landskap yang ada pada hari ini. Semasa menyusuri laluan di taman geologi tersebut, terdetik keinsafan dalam diri. Terasa begitu kerdilnya diri ini jika dibandingkan dengan ciptaan Tuhan yang begitu agung.

Melihatkan keadaan landskapnya, kedengaran juga suara-suara yang menyamakan Taman Geologi Negara Guide dengan Grand Canyon Arizona cuma mungkin saiznya yang lebih kecil, iaitu kira-kira 248.24 kilometer persegi, dan tidak kurang juga yang memanggilnya gunung pelangi. Daripada keseluruhan kawasan tersebut, hanya kawasan pemandangan Danxia di Ashigong, dengan

keluasan kira-kira 200 hektar, dijadikan pusat komersial untuk para pelancong. Dimaklumkan, infrastruktur di kawasan Ashigong telah dibangunkan selama lima tahun dengan menggunakan dana sebanyak RMB86 juta (kira-kira RM54 juta). Oleh itu, walaupun dipenuhi batu, namun infrastruktur di taman negara tersebut sangat lengkap dan dijaga dengan baik, khususnya laluan untuk pejalan kaki. Sekiranya anda tidak berdaya untuk berjalan jauh, ada perkhidmatan kereta bugi disediakan.

Semasa dalam perjalanan pulang ke Xining, kami telah melalui Jambatan Huangheqing. Menurut pemandu pelancong, di kawasan itulah terdapat air Sungai Kuning yang paling jernih, dan sebab itu juga jambatan tersebut dinamai Huangheqing, yang bermaksud air Sungai Kuning yang jernih. Sehari melawat ke kaunti Guide terasa begitu pantas masa



Ciptaan yang bukan sahaja menawan, malah begitu gagah dan megah.

berlalu. Namun, masih ada lagi destinasi pelancongan yang menarik untuk kami kunjungi di provinsi Qinghai dan kami sudah tidak sabar-sabar untuk meneroka apa lagi yang istimewa dan unik di sana.

Xining dan Xunhua, Pelihara Jalinan Ukhuwah


Seperti yang sedia maklum, Xining merupakan ibu kota provinsi Qinghai, manakala Xunhua adalah sebuah kaunti, yang terletak paling hujung ke arah tenggara, dalam wilayah Haidong. Sama seperti Xining, Xunhua atau nama penuhnya Kaunti Autonomi Salar Xunhua turut didiami oleh enam etnik utama, iaitu Hui, Han, Tibet, Salar, Mongol dan Tu, namun etnik yang paling ramai di Xunhua ialah entik Salar, sesuai dengan nama kaunti tersebut.

Sekiranya anda berada di Xining, ada tiga perkara yang mesti anda lakukan di sana, iaitu menikmati mi tarik dan yogurt, di samping melawat ke Masjid Dongguan. Soal makan bukan masalah besar di Xining kerana setibanya di bandar tersebut, anda pasti tersenyum lebar melihat deretan kedai-kedai makan yang bertulisan jawi sehingga anda rambang mata untuk memilih kedai mana yang mahu dicuba terlebih dahulu.

Sama ada anda pernah mendengar atau menikmati semangkuk mi tarik Lanzhou atau tidak, sebenarnya tidak



Para Jemaah di Masjid Dongguan, Xining sedang mendengar khutbah, sebelum memulakan solat jumaat.



Dewan solat utama Masjid Dongguan.

banyak berbeza dengan mi tarik di Xining cuma resipi uniknya ialah mi tarik di Xining menggunakan daging yak, manakala mi tarik Lanzhou menggunakan daging lembu. Mungkin disebabkan tekstur daging yak yang padat dan licin, selain kurang berminyak menyebabkan sup yang terhasil daripada daging yak lebih sedap dan lebih "kaw". Manakala yogurt pula, boleh dikatakan yogurt di Xining sangat enak dan lain daripada yang lain. Di Xining, yogurt dihidangkan di dalam mangkuk dan terdapat cecair berwarna kuning seperti lapisan minyak di permukaan

yogurt tersebut. Bagi sesiapa yang tidak biasa atau kurang menggemari yogurt, mungkin selepas suapan pertama, anda sudah tidak mahu lagi meneruskan suapan kedua, tetapi percayaalah, memang pada mulanya rasa masam akan terasa di dalam mulut anda, namun lama-kelamaan rasa manis akan menguasai deria rasa anda hingga tanpa anda sedari, anda berjaya menghabiskan semangkuk yogurt. Selepas itu, tidak mustahil anda akan memesan semangkuk yogurt lagi.

Perjalanan darat dari Xining ke Kampung Zhongzhuang,



Wajah-wajah ceria etnik Salar yang sedang berkelah di tepi Sungai Kuning.

Mukim Gaizi, kaunti Xunhua mengambil masa lebih kurang 3 jam dengan jarak kira-kira 150 kilometer. Anda tidak akan sedar, sejak bila dan di mana mulanya pemandangan di kiri dan kanan anda tiba-tiba berubah bentuk dan warna, selain jalan yang lurus pada awal perjalanan, tiba-tiba berkelok-kelok ketika menyusuri laluan di celah-celah kaki gunung. Agak mendebarkan ketika bas hampir berselisih dengan kenderaan lain, namun berusaha untuk menenangkan hati sendiri dengan berkata, ini hanyalah cabaran yang kecil jika dibandingkan dengan cabaran yang dilalui etnik Salar yang hampir saban hari, minggu, bulan, malah bertahun-tahun melalui jalan seperti itu.

Seiring dengan arus kemodenan, etnik Salar

juga sudah semakin maju. Menurut penduduk tempatan, pertumbuhan ekonomi dan kehidupan selesa yang dinikmati etnik Salar pada hari ini adalah disebabkan dasar kerajaan China yang menyokong pembangunan etnik minoriti. Buktinya, kaunti Xunhua berjaya mendirikan stesen jana kuasa hidroelektrik yang besar dan moden di kaki Gunung Jishishan, berhampiran dengan Sungai Kuning, di samping memiliki ahli perniagaan yang telah berjaya dalam kalangan etnik Salar. Salah seorangnya ialah Han Delin atau Ismail, seorang pengusaha ladang pertanian moden yang mempunyai projek pertanian bernilai hampir RM400 juta (RM247 juta), selain projek ekopelancongan di pinggir hulu Sungai Kuning,

yang bakal memulakan pembinaan pada tahun 2018. Menurut Ismail, projek-projek yang diusahakannya itu bakal membawa pulangan hampir 1.5 bilion yuan dan memberi manfaat kepada 10,000 penduduk tempatan.

Apabila memperkatakan tentang etnik Salar, ada dua perkara yang begitu sinonim dengan etnik tersebut, iaitu unta putih dan al-Quran bertulisan tangan. Sejarah etnik Salar bermula kira-kira 800 tahun yang lalu bermula dengan penghijrahan Haraman dan Ahman serta 18 kerabat lain dari Samarkand (Turkmenistan). Semasa penghijrahan tersebut, rombongan itu telah membawa unta putih, air, tanah dan al-Quran bertulisan tangan.

Mereka telah melalui segala

kepayaan dengan merentasi gunung-ganang dan kawasan padang pasir, namun berkat kesabaran dan keyakinan kepada Allah, mereka pun tiba di kaki sebuah gunung berwarna merah di pesisir Sungai Kuning.

Ketika tiba di situ, unta putih mereka tiba-tiba hilang. Setelah puas mencari, akhirnya mereka mendapati unta putih itu sudah menjadi sebuah patung batu di tepi sebuah mata air. Lebih mengejutkan lagi apabila air dan tanah yang dibawa dari tempat asal mereka, sama dengan tanah dan air di tepi mata air tersebut. Percaya bahawa keajaiban tersebut adalah petunjuk daripada Allah, maka sejak itu mereka telah menetap di tempat yang berdekatan dengan mata air tersebut dan bergaul mesra dengan etnik-etnik tempatan lain seperti etnik Tibet dan lain-lain. Pada hari ini, kawasan Mata Air Unta Putih itu telah menjadi kawasan pelancongan yang utama di Xunhua sempena memperingati peristiwa penting sejarah penghijrahan leluhur etnik Salar dari Samarkand ke Xunhua.

Tidak jauh dari kawasan Mata Air Unta Putih, terdapat




Naskhah al-Quran bertulisan tangan yang disimpan di Xunhua.

Masjid Gaizi dan Muzium Naskhah Al-Quran Tulisan Tangan. Di muzium itulah, al-Quran bertulisan tangan, yang dipercayai telah dihasilkan pada abad ke-8 hingga 13 Masihi, disimpan dan dipelihara dengan baik, di samping naskhah-naskhah al-Quran yang lain. Dimaklumkan, hanya tinggal tiga naskhah al-Quran bertulisan tangan di seluruh dunia setakat ini, salah satu daripadanya tersimpan di Kaunti Xunhua, manakala dua lagi masing-masing di London dan di Damascus.

Keharmonian dan ukhuwah antara pelbagai kaum dan etnik di provinsi Qinghai adalah satu lagi keunikan dan keistimewaan provinsi tersebut, yang berjaya membuktikan perbezaan agama dan kepercayaan

malah berlainan kaum dan etnik bukan penghalang untuk hidup bersatu padu, tololong-menolong dan saling menghormati. Maka, boleh disimpulkan provinsi tersebut adalah antara contoh terbaik untuk meneladani persefahaman dan perpaduan pelbagai kaum dan etnik.

Sesungguhnya, lawatan ke provinsi Qinghai membawa banyak cerita dan pertemuan baharu yang menarik untuk dikongsi bersama. Terdapat pepatah kuno Cina yang berbunyi, Ada syurga di langit, ada Suzhou dan Hangzhou di bumi. Mungkin sesuai untuk ditambah, ada syurga di langit, ada Suzhou dan Hangzhou di bumi, juga ada Qinghai di hati, setiap orang yang telah mengunjunginya. **KS**



Sungai Kuning yang mengalir tenang di kaunti Xunhua, setenang dan sedamai kehidupan etnik Salar di kaunti tersebut.



01



02

Kembara Laluan Sutera 2016

Aktiviti lawatan "Kembara Laluan Sutera 2016" anjuran Radio Antarabangsa China (CRI) telah diadakan pada 28 Julai hingga 2 Ogos lalu. Wartawan dari Astro Awani, TV Al-Hijrah, Berita Harian, Mingguan, dan MySuara dari Malaysia, serta Metro TV dan Kompas dari Indonesia, bersama-sama wartawan CRI, telah melawat bandar Beijing, Xi'an, dan provinsi Qinghai.



03



05



06



07



08



Kouxian Alat Muzik Istimewa Etnik Hui



Kouxian merupakan alat muzik yang sering dimainkan oleh etnik Hui. Alat muzik itu diperbuat daripada logam atau buluh.

Bandar Lingwu yang terletak tidak jauh dari Yinchuan, ibu kota Wilayah Autonomi Hui Ningxia, merupakan salah sebuah bandar yang terkenal dalam sejarah kerana mempunyai budaya yang lama.

Dengan teknik permainan yang tersendiri serta cara pembuatan yang istimewa, Kouxian, yang popular dalam kalangan etnik Hui di Lingwu sejak beratus-ratus tahun yang lalu, sering menghiburkan perasaan orang awam.

Keluarga Ma yang tinggal di mukim Haojiaqiao, merupakan pemain alat muzik Kouxian di bandar Lingwu kerana kemahiran mereka dalam permainan mahupun pembuatan alat muzik itu.

Ketika zaman Ma Jingui, keturunan kedua Kouxian

keluarga Ma, seni pembuatan dan permainan Kouxian semakin lengkap dengan gaya tersendiri.

Ma Jingui sering membawa Kouxian mengelilingi kampung pada siang hari dan membuat Kouxian di bawah cahaya pelita pada malam hari.

Kouxian buatan keluarga Ma dihasilkan daripada buluh dengan panjangnya sepuluh sentimeter.

Rupanya seperti cuban dengan satu hujung yang besar dan satu lagi kecil. Jumbai sutera diikat pada salah satu hujung.

Semasa memainkan Kouxian, pegang bahagian hujungnya dengan jari tangan kiri, kemam alat muzik tersebut dalam mulut, tarik jumbai sutera dengan jari tengah dan ibu jari tangan kanan bagi membolehkan alat muzik itu mengeluarkan getaran.

Walaupun tampak kecil dan sederhana, namun pembuatan Kouxian memerlukan persediaan yang rapi.

Buluh perlu dipilih dengan teliti terlebih dahulu, kemudian dipotong menjadi beberapa bahagian dengan panjang kira-kira 20 sentimeter, lalu dimasak dalam periuk. Selepas itu, buluh itu dikeluarkan dan diukir dengan berhati-hati.

Melalui prosedur tersebut, alat muzik itu akan berkilaun seperti disapu dengan cat. Kualitinya tinggi dan tidak mudah pecah. Bunyinya juga amat nyaring dan merdu.

Keistimewaan Kouxian yang paling ketara ialah alat muzik itu tidak mempunyai nada tertentu. Pelbagai perasaan yang sukar dijelaskan dapat disampaikan melalui alat muzik itu hanya dengan mengubah bentuk bibir dan tenaga pemain.

Kouxian keluarga Ma telah disenaraikan dalam Warisan Budaya Bukan Benda Peringkat Negara China pada tahun 2007. **KS**



Jalan Muslim Xi'an

Syurga Makanan Halal

Jalan Muslim merupakan tempat yang paling popular di bandar Xi'an. Tidak kira musim atau waktu, jalan ini sentiasa sesak dibanjiri pengunjung. Paomo daging lembu dan kambing, daging awet, sup lada dan bebola daging, pau berinti sup, liangpi dengan sos bijan, inilah antara pelbagai makanan halal tradisional yang menjadikan Jalan Muslim Xi'an satu persinggahan yang wajib. Sesiapa sahaja yang menjelaskan kaki di

sini, nescaya tidak akan mampu menahan selera untuk mencuba pelbagai juadah yang tersedia. Pada musim panas, hilangkan rasa haus dengan jus plum yang sejuk. Pada musim sejuk pula, santapan hot pot yang panas membawa kehangatan hingga ke sanubari.

Paomo daging lembu dan kambing

Antara makanan ringan di Jalan Muslim, yang paling

terkenal adalah paomo daging lembu dan kambing. Meskipun hidangan sup dan roti pita ini nampaknya ringkas, namun kaedah memasaknya agak rumit, malah resipi ini dikatakan rahsia perdagangan. Untuk membuat sup, daging harus diperap dalam campuran berpuluhan-puluhan jenis rempah dan kemudiannya direbus selama sepuluh jam. Sebelum makan, roti pita disiat-siat menjadi cebisan-cebisan kecil terlebih dahulu dan barulah ditambah

dengan sup, vermiseli, daun bawang dan parsli. Sambal dan bawang putih jeruk menjadikan hidangan ini lebih menyelerakan.

Daging awet

Andai kata selera masih belum dipenuhi dengan sajian paomo daging lembu dan kambing, bolehlah mencuba pula daging awet. Daging lembu dan kambing yang diperap dan direbus dengan pelbagai rempah ini warnanya kemerah-merahan, teksturnya lembut, rasanya segar dan lazat. Produk ini amat laris dijual di Jalan Muslim kerana dibeli bukan sahaja oleh pelancong untuk dijadikan cenderamata, tetapi juga penduduk tempatan yang menganggap daging awet hidangan yang sangat penting ketika meraikan perayaan. Kelazatannya sukar sekali digambarkan dengan kata-kata.

Sup lada dan bebola daging

Sekiranya berada di Jalan Muslim pada waktu pagi, sup lada dan bebola daging merupakan sarapan halal paling istimewa yang mesti dijamah. Hidangan ini juga boleh dipanggil sup bebola daging lembu dengan sayur-sayuran, kerana selain bebola daging lembu, ramuannya termasuk kentang yang dipotong dadu, kubis, lobak merah, kubis bunga, cendawan

telinga kera, bunga daylily kuning dan sayur-sayuran lain. Bagi yang inginkan hidangan lebih berperisa, bolehlah menambah sedikit minyak cili merah untuk pengalaman lidah kebas yang pasti tidak dapat dilupakan.

Pau berinti sup

Pau adalah makanan yang boleh didapati di seluruh China, namun berbeza dengan pau biasa, variasi yang terdapat di Jalan Muslim Xi'an ini mengandungi sup. Kulitnya nipis seperti kertas dan intinya daging yang sangat empuk dalam sup dengan aroma rempah ratus yang membuka selera. Sebagaimana istimewanya pau ini, begitu juga cara makannya. Pau ini harus dimakan ketika panas dan mesti diangkat dari kukus dengan perlahan-lahan untuk mengelakkan kulitnya bocor. Rasanya juga bertambah lazat jika dicambah dengan cuka.

Liangpi dengan sos bijan

Jalan Muslim menawarkan beraneka jenis hidangan, jadi sudah semestinya ada sahaja yang sesuai dengan selera yang berbeza-beza. Liangpi yang rasanya sangat masam dan pedas adalah salah satu makanan ringan istimewa di provinsi Shaanxi, dan biasanya menjadi kegemaran para wanita. Golongan Muslim tempatan pula khususnya paling menggemari liangpi

dengan sos bijan. Dengan gabungan rasa lemak, masam dan pedas yang seimbang, serta aroma bijan yang mampu membuat sesiapa juar terliur, tidak hairanlah begitu ramai yang jatuh cinta pada suapan pertama dengan hidangan istimewa ini.

Kuih pisang kaki

Satu lagi desert istimewa yang mesti dicuba ialah kuih pisang kaki. Dibuat daripada buah pisang kaki keluaran daerah Lintong di provinsi Shaanxi, kuih ini rangup dan perang keemasan di luar, dan cukup lembut dan wangi di dalam.



Padan sekali dengan gelarannya sebagai syurga makanan, Jalan Muslim Xi'an menjanjikan pelbagai jenis santapan istimewa yang pasti meninggalkan kenangan manis buat si pengunjung. Di sini, anda tidak perlu bimbang tidak dapat mencari makanan yang disukai. Satu-satunya kerunsingan ketika berada di sini ialah tiadanya masa ataupun ruang perut yang mencukupi untuk menjamu selera sepenuhnya. **KS**



Indahnya Kawasan Luar Bandar Beijing

Jika anda telah melawat taman-taman dan muzium-muzium di kawasan kota Beijing, mungkin anda ingin cuba suatu pengalaman percutian yang lain dan melihat keindahan panorama alam semula jadi di kawasan luar bandar. Sidang editor Kembara Sutera telah memilih beberapa tempat peranginan yang selalu dikunjungi oleh penduduk Beijing. Harap ini boleh membantu pengalaman anda di Beijing lebih pelbagai.

Tembok Besar Seksyen Mutianyu

Tembok Besar Seksyen Mutianyu dibina pada zaman Dinasti Ming. Tembok Besar seksyen ini dibina di tapak tinggalan Tembok Besar zaman Qi Utara.

Tembok Besar ini menghubungkan Tembok Besar Seksyen Gubeikou di bahagian timur dan Tembok Besar Seksyen Juyongguan di bahagian barat. Kedudukan

Tembok Besar Seksyen Mutianyu yang sangat strategik dari segi ketenteraan memainkan peranan yang amat penting dalam melindungi bandar Beijing daripada diserang tentera musuh dari kawasan utara pada zaman dahulu.

Selain itu, tembok besar itu juga mempunyai nilai sejarah dan kebudayaan yang tinggi.

Tembok Besar Seksyen Mutianyu adalah antara tembok besar pada zaman

Dinasti Ming yang memiliki pemandangan paling indah.

Kadar litupan tumbuh-tumbuhan di sekitar kawasan Tembok Besar ini melebihi 96 peratus dan tiada tandingan jika dibandingkan dengan tembok besar seksyen yang lain di negara ini.

Musim gugur dianggap musim yang paling indah di kawasan Tembok Besar Seksyen Mutianyu, kerana daun-daun yang menjadi kuning kemerah-merahan menggandakan keindahan di kawasan ini.

Tip:

Pengangkutan: Anda boleh pergi ke Tembok Besar Seksyen Mutianyu dari pusat bandar Beijing dengan menaiki bas persiaran khas dari Dongzhimen. Perjalannya mengambil masa kira-kira dua setengah jam.

Tiket: 45 yuan.

Gunung Shenglian

Gunung Shenglian terletak di banjaran gunung di bahagian barat daya Beijing yang berjarak 90 kilometer dari pusat bandar.

Gunung ini juga dipanggil “gunung teratai kecil” kerana keseluruhan gunung ini seumpama bentuk kelopak bunga teratai yang kecil.

Gunung Shenglian merupakan tempat ibadat bagi agama Buddha dan ajaran Tao.

Kononnya, Mahadeva menjadi dewa setelah



termakan beras suci dan terminum air suci yang berasal dari sebuah tasik di gunung ini.

Kuil-kuil Buddha mula dibina sejak zaman Dinasti Ming, manakala ajaran Tao juga secara beransur-ansur berkembang di sini.

Gunung Shenglan terletak di daerah Fangshan. Terdapat juga banyak lagi tempat peranginan yang menarik di daerah ini, antaranya termasuklah Shidu, Kuil Tanzhe, Gua Batu Kapur Shihua, dan lain-lain.

Tip:

Penginapan: Inap desa merupakan pilihan yang terbaik jika anda melancong di daerah Fangshan. Harganya lebih kurang 100-200 yuan seorang. Tiket: 60 yuan.

Gunung Miaofeng

Gunung Miaofeng yang terletak berhampiran dengan Sungai Yongding, merupakan salah sebuah gunung yang terkenal di Beijing dan destinasi

peranginan yang popular dalam kalangan penduduk tempatan.

Kuil kuno, pokok pain hijau, batu-batu istimewa dan tumbuh-tumbuhan eksotik merupakan tarikan utama gunung tersebut.

Kuil Niangniang Gunung Miaofeng yang terdiri daripada tiga bangunan dibina pada zaman Dinasti Liao, lebih kurang 1000 tahun yang lampau.

Sebanyak 14 buah dewan besar telah didedikasikan untuk dewa-dewa dalam ajaran Tao, fahaman Ru, Shi, dan lain-lain sehingga tempat tersebut menjadi pusat ibadat bagi penduduk di utara China pada zaman Dinasti Ming dan Qing.

Tip:

Pengangkutan: Anda boleh menaiki bas nombor 892 dari Pingguoyuan, turun di Jiangocun, kemudian naik teksi ke Gunung Miaofeng. Tiket: 40 yuan.



Taman Hutan Negara Mangshan


Taman Hutan Negara Mangshan yang terletak kira-kira 35 kilometer dari pusat bandar Beijing merupakan taman hutan yang terbesar di bandar raya ini.

Taman ini diibaratkan "bar oksigen semula jadi" kerana memiliki sehingga 96 peratus kawasan hutan.

Selain panorama hutan yang saujana mata memandang, terdapat juga pelbagai landskap unik yang berunsur kebudayaan seperti patung besar Buddha, menara Gunung Mangshan dan koridor panjang.

Tip:

Pengangkutan: Anda boleh menaiki bas nombor 912 dari Andingmen, bas nombor 845 dari Stesen Kereta Api Barat Beijing, atau bas nombor 919 dari Deshengmen. Turun di Shisanling Shuiku. Tiket: 20 yuan.




Pusat Peranginan Lembah Shuanglong

Pusat peranginan Lembah Shuanglong yang terletak di daerah Mentougou bandar Beijing merupakan destinasi pelancongan AAA peringkat Negara. Tempat ini antara

pilihan utama penduduk Beijing untuk bersantai pada hujung minggu.

Lembah Shuanglong mendapat gelaran "Jiuzhaigou



kecil" dan "ratusan air terjun" kerana lembah tersebut kaya dengan sungai, tasik, air terjun, taman buah aprikot dan pokok-pokok yang menghijau.

Kadar litupan hutan di kawasan ini melebihi 95 peratus.

Tip:

Pengangkutan: Anda boleh menaiki bas nombor 892 dari Pingguoyuan, dan turun di Huocunkou.

Tiket: 30 yuan. **KS**



Tujuh Destinasi Dianggap Syurga di China

Adakah anda ingin menjauhkan diri daripada kepanasan pada musim panas?

Jawapannya pastilah "mahu!" Kalau begitu, yang berikut adalah beberapa destinasi yang dianggap sebagai "syurga untuk mengelakkan kepanasan" khususnya pada bulan Ogos dan September di China.



Tasik Tianmu di Provinsi Jiangsu

Tasik Tianmu terletak kira-kira 8 kilometer dari arah selatan bandar Suyang provinsi Jiangsu.

Tasik tersebut ialah dua tangkungan besar iaitu Shahe dan Daxi.

Tasik Tianmu diberikan nama sedemikian kerana terletak di kawasan banjaran Gunung Tianmu.

Destinasi peranginan Tianmu mula diteroka dan dibangunkan pada tahun 1992 dan beransur-ansur menjadi destinasi percutian dan pelancongan peringkat provinsi yang menggabungkan percutian berkonsepkan hutan, pelancongan pertanian, perlindungan alam semula jadi dan hiburan.

Tasik Tianmu dikelilingi gunung. Airnya dingin dan sungguh jernih.

Panorama tersebut bertambah menarik dengan adanya ladang-ladang pertanian yang seumpama papan catur, dan kebun teh yang disusun secara beratur.

Pepohon, tumbuh-tumbuhan dan bunga-bungaan amat subur di kawasan peranginan tersebut.

Selain itu, binatang-binatang liar juga memilih kawasan itu sebagai habitat.

Musim panas merupakan masa terbaik untuk melawat ke Tasik Tianmu kerana airnya yang dingin, di samping hutan buluh yang tebal dan rimbun

sesuai untuk menjadi tempat perteduhan kepada para pengunjung.

Chishui di Provinsi Guizhou

Chishui terletak di sempadan provinsi Guizhou dan provinsi Sichuan.

Oleh sebab gunung-ganangnya dilitupi tumbuh-tumbuhan nan menghijau, selain kaya dengan sumber air, maka Chishui terkenal sebagai "bandar buluh" dan "bandar seribu air terjun".

Selain itu, Chishui juga merupakan salah satu lokasi yang ideal untuk mengelakkan kepanasan pada musim panas di China.

Air Terjun Chishui adalah antara destinasi yang mesti dikunjungi sekiranya melawat ke Chishui.

Air terjun tersebut juga turut dikenali sebagai "Shi Zhang Dong". "Dong" ialah panggilan penduduk tempatan bagi air terjun, manakala "Shi Zhang" digunakan untuk menggambarkan betapa besarnya air terjun tersebut.

Dengan 76 meter tinggi dan 80 meter lebar, air terjun itu merupakan air terjun terbesar di atas bentuk muka bumi Danxia China dan air terjun terbesar dalam kawasan perairan Sungai Yangzi di China.

Baligou di Provinsi Henan

Baligou yang terletak di bandar Xinxiang provinsi



Henan merupakan destinasi peranginan Gunung Taihang Selatan yang tipikal.

Pergunungan di Baligou agak curam dan semakin rendah secara beransur-ansur.

Batu-batu di kawasan pergunungan tersebut beraneka jenis bentuknya.

Aliran air di kawasan Baligou tidak putus-putus sepanjang tahun sehingga membentuk tiga batang sungai kecil, sembilan teluk dan beberapa air terjun.

Selain itu, kawasan itu juga memiliki kepelbagaiannya biodiversiti. Manakala,

keluasan kawasan hutan mencecah 90 peratus dan digelar "bar oksigen semula jadi".

Baligou, dengan purata suhu tahunan kira-kira 14 darjah Celsius, adalah destinasi yang sesuai untuk menjauhi kepanasan.

Gunung Wawu di Provinsi Sichuan

Taman Hutan Negara Gunung Wawu terletak di kaunti Hongya, pinggir barat provinsi Sichuan dengan altitudnya 2,830 meter.



Sejak zaman Dinasiti Tang dan Song dalam sejarah China, Gunung Wawu telah digelar "dua keajaiban Sichuan", di samping Gunung Emei.

Cuaca empat musim sepanjang tahun amat ketara di kawasan pergunungan Wawushan.

Anda dapat menikmati "lautan" bunga azalea pada musim bunga, air terjun dan kolam air pada musim panas, hutan yang berwarna-warni pada musim luruh dan hutan yang berwarna putih pada musim sejuk kerana dilitupi salji.



Bunga azalea berkembang mekar pada bulan April dan Mei setiap tahun di Gunung Wawu.

Warna, bentuk, jumlah dan spesies bunga azalea di kawasan tersebut merupakan yang terbaik di dunia.

Selain itu, purata suhunya yang hanya 13 darjah Celsius pada bulan Julai, yang merupakan suhu paling panas sepanjang musim panas, telah menjadikan Gunung Wawu antara destinasi terbaik untuk menjauhkan diri daripada kehangatan.

Yunding di Provinsi Fujian

Destinasi peranginan Yunding merujuk kepada Gunung Qingyun di kaunti Yongtai provinsi Fujian China.

Terdapat tujuh buah puncak gunung dengan altitudnya lebih daripada 1,000 meter.

Antara yang paling tinggi mencecah 1,130 meter. Sebuah tasik berbentuk elips terbentuk akibat letusan gunung berapi.

Puncak Gunung Qingyun sentiasa diselubungi kabus yang kelihatan seumpama

tempat tinggal dewa dewi yang penuh dengan misteri.

Gunung Wugong di Provinsi Jiangxi

Gunung Wugong terletak di sempadan bahagian tenggara bandar Pingxiang provinsi Jiangxi.

Suhu paling tinggi pada musim panas di kawasan tersebut hanya 23 darjah Celsius berikutan dipengaruhi oleh iklim monsun subtropikal dan altitud rendah.

Puncak utamanya, iaitu Puncak Baihe mencatat 1918.3 meter dari paras laut.

Terdapat ungkapan yang berbunyi, "bawalah dia memanjat Gunung Wugong sekiranya sayang akan dia" sebab Gunung Wugong sering diselubungi kabus yang suasannya menimbulkan kemisterian dan romantik.

Guniujiang di Provinsi Anhui

Kawasan peranginan Guniujiang terletak di antara kaunti Qimen dan Shitai serta merupakan salah sebuah gunung daripada tiga buah gunung yang paling tinggi di selatan provinsi Anhui.

Oleh sebab pengaruh altitud, kedudukan geografi dan pergerakan udara, hanya terdapat musim yang sejuk dan sederhana di kawasan tersebut.

Maka, boleh dikatakan Guniujiang adalah pilihan terbaik untuk mengelakkan kepanasan pada musim panas. **KS**

Penyebaran Agama Islam di Provinsi Taiwan, China



Islam merupakan agama minoriti di provinsi Taiwan, China dengan kira-kiranya 0.7 peratus sahaja penduduknya yang mengamalkan agama Islam (sekitar 0.3 peratus penduduk, sekiranya tidak menyertakan Muslim dari Indonesia), dengan 100 penganut baharu dianggarkan setiap tahun.

Ada sekitar 45 ribu penganut agama Islam yang berdaftar di Taiwan (tahun 2007). Manakala, terdapat 88,500 orang Muslim, yang berasal dari Indonesia, bekerja di Taiwan. Di Taiwan terdapat tujuh buah masjid, antaranya Masjid Besar Taipei adalah masjid yang paling terkenal di provinsi itu.

Penyebaran agama Islam di bahagian timur China bermula pada awal abad ke-7 Masihi. Peniaga-peniaga

Muslim datang dan berkahwin dengan penduduk tempatan, mewujudkan kumpulan etnik baharu yang disebut etnik Hui. Islam dikenali di China sebagai agama Hui, walaupun istilah agama Islam lebih popular.

Seramai kira-kira 20 juta penganut agama Islam di China dan diyakini merupakan golongan pertama yang berasal dari Tanah Besar China berhijrah ke provinsi Taiwan pada abad ke-17 ketika keluarga Muslim dari wilayah pantai selatan China, provinsi Fujian menyertai Koxinga ke provinsi Taiwan untuk mengusir pencerobohan orang Belanda di selatan kota Tainan, Taiwan pada tahun 1661. Golongan tersebut diyakini sebagai



penduduk beragama Islam yang pertama mendiami pulau itu. Dalam pada itu, keturunan mereka beransur-ansur berasimilasi ke dalam masyarakat Taiwan dan mengamalkan adat istiadat tempatan dan agama.

Menurut Profesor Lien Ya Tang dalam bukunya Sejarah Taiwan (tahun 1918), ada beberapa Muslim di pulau yang sebahagian besar berasal dari wilayah lain di China. Tidak ada penyebaran Islam dan tidak ada masjid yang dibina.

Gelombang kedua daripada migran Muslim berlaku semasa perang saudara China pada abad ke-20 ketika sekitar 20 ribu penduduk Muslim

meninggalkan Tanah Besar China menuju ke Taiwan pada tahun 1949. Kebanyakan mereka adalah anggota tentera dan pegawai kerajaan pada masa itu dan berasal dari wilayah dan provinsi berpenduduk etnik minoriti yang menganut agama Islam, antaranya termasuklah Yunnan, Gansu, Xinjiang serta Ningxia.

Kebanyakan kaum Muslim bergantung antara satu sama lain melalui komuniti Islam yang bertemu secara konsisten di sebuah rumah di Jalan Lishui di bandar Taipei, ibu kota provinsi Taiwan. Sejak tahun 1980-an, ribuan penduduk Muslim dari Myanmar dan Thailand telah berhijrah ke Taiwan untuk mencari rezeki yang lebih baik.

Pada masa ini, kebanyakan penganut agama Islam di Taiwan adalah mualaf yang relatif baharu, kebanyakannya daripada mereka ialah wanita. Kini, seramai lebih 140 ribu penganut agama Islam menetap di Taiwan, antaranya termasuklah lebih 53 ribu penduduk tempatan yang penganut agama Islam dan lebih 80 ribu orang pekerja dari Indonesia.

Masjid Budaya Taipei

Seperti Masjid Besar Taipei, Khutbah Jumaat diadakan dalam bahasa Arab dan Cina di Masjid Budaya Taipei. Bangunan masjid lima tingkat ini siap



dibina pada tahun 1984. Reka bentuk bangunan mengikuti motif seni bina Islam klasik yang direka oleh arkitek yang cukup disegani, Huang Mo-chun. Sebahagian besar dana dibiayai oleh Liga Dunia Muslim. Komuniti

Muslim di sini wujud sejak tahun 1940 yang dipimpin oleh Akhond Hsiao. Pada mulanya, residensi Jepun dijadikan masjid kecil tapi penduduk Islam semakin bertambah maka masjid yang lebih besar didirikan. **K**



wǒ xiǎng qù tái bēi wén huà qīng zhēn sì, xiè xiè.
我想去台北文化清真寺，谢谢。

Saya nak pergi ke Masjid Kebudayaan Taipei, terima kasih.

dì zhǐ: tai bei shi xin hai lu duan xiang hao.
地址：台北市辛亥路1段25巷3号。

Alamat: No.3, Ln. 25, Sec. 1, Xinhai Rd., Zhongzheng Dist., Taipei City.



Dapur Lazat Anisah

Hai, semua pembaca! Selamat membaca ruangan Dapur Lazat Anisah.

Dalam keluaran kali ini, saya akan memperkenalkan sejenis ketam, iaitu ketam Eriocheir yang amat digemari di China.

Habitat ketam itu bukan di laut, tetapi di tasik dan di kolam, terutamanya di Sungai Yangtze yang mempunyai jumlah pembiakan terbesar, selain rasa ketam yang sangat sedap dan segar.

Ketam Eriocheir China mengandungi lebih banyak vitamin A dan bermanfaat untuk merawat keratosis kulit, di samping berfungsi sebagai kalsium tambahan kepada warga emas yang menghidap osteoporosis.

Pada pertengahan bulan September hingga Disember dalam kalender tradisional China adalah musim terbaik untuk menikmati keenakan ketam.

Waktu terbaik untuk makan ketam jantan adalah pada bulan September dan ketam betina biasanya pada bulan Oktober.

Semua cara memasak sama ada mengukus, merebus atau menggoreng adalah baik dalam tempoh tersebut.

Kini, saya mahu mengajar anda cara untuk menyediakan satu hidangan dengan ketam Eriocheir China yang sangat popular dalam kalangan penggemar makanan pedas, iaitu Ketam Goreng Pedas. **KS**



Waktu Solat di China



Selain waktu solat dan panduan arah kiblat, anda juga boleh mendapat info-info berguna yang membantu menyempurnakan pelancongan anda di China, seperti:



restoran Islam



masjid



pusat beli-belah



tempat pelancongan

App ini secara automatik mengesan lokasi anda di China, Malaysia dan Indonesia, dan akan memaparkan waktu solat tempatan serta arah kiblat. Ia juga sebagai panduan khusus untuk warga muslim sewaktu berada di China.

The Great Wall Travel Prepaid Card

长城旅游预付卡

Your Perfect Travel Companion



With The Great Wall Travel Prepaid Card, you carry the symbol of excellence recognized throughout China.

Enjoy a suite of exclusive perks and privileges to make every trip a hassle-free, enjoyable and productive one.

Widest Access to UnionPay

UnionPay makes every transaction a breeze with China's largest payment network.

使用中国银联网络，让您随心随意支付。

Preferential Discounts & Exclusive Privileges

Enjoy access to a wide range of traveling, shopping, dining and entertainment deals in Mainland China, Hong Kong, Macau & Southeast Asia Countries all year round.

尽享中国、港澳、东南亚地区精选优惠商户，享受全年旅游、购物、餐饮、娱乐优惠。

Zero Maintenance Fees

No Government Service Tax (GST), annual fee and monthly maintenance fee.

豁免政府税，不收取服务费、年费或月费。

Elegant Card Design

Exquisite card face with Dragon and auspicious clouds symbolize power and good luck.

精美龙形卡面，点缀祥云，给您带来力量与好运。